A

Yeoh Loh Huat lwn Chan Huan Seng

MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — RAYUAN SIVIL NO 12–14 TAHUN 2002

B ZAINAL ADZAM H

23 SEPTEMBER 2003

C *Tort — Negligence — Road accident — Motorcyclist colliding with backhoe — Appeal against apportionment of liability — Whether there was contributory negligence on respondent — Duty of motorcyclist to exercise reasonable care — Highway Code r 22*

D Pada 15 Februari 1996 jam 9.00 malam, responden menunggang motosikalnya seorang diri dari Bukit Kayu Hitam untuk pulang ke Alor Star. Apabila sampai di KM 15.3 beliau telah terlibat di dalam kemalangan jalan raya dengan sebuah jentera pengorek ('backhoe') yang dipandu oleh perayu. Cuaca semasa kemalangan adalah hujan renyai-renyai dan kawasan kemalangan adalah gelap. Sebelum kemalangan, responden menunggang motosikal beliau dengan kelajuan 75 ksj. Dalam jarak 10 E kaki beliau tiba-tiba nampak sebuah backhoe sedang bergerak di lorong sebelah kiri tanpa lampu. Responden kemudiannya membrek motosikalnya dan cuba mengelak ke bahagian kanan tetapi terlanggar tayar belakang backhoe tersebut. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa hanya isu liabiliti sahaja yang perlu diputuskan di dalam rayuan ini. Puan hakim mahkamah sesyen telah memutuskan bahawa perayu adalah 90% bertanggungan ke atas kemalangan ini.

F

Diputuskan:

(1) G Mahkamah Tinggi bersetuju dengan Puan hakim mahkamah sesyen bahawa terdapat kecuaian sumbangan di pihak responden ke atas kemalangan ini. Walau bagaimanapun Mahkamah Tinggi tidak bersetuju dengan kadar 10% kecuaian sumbangan yang diputuskan oleh Puan hakim mahkamah sesyen. Di dalam kemalangan ini motosikal yang ditunggang oleh responden telah melanggar bahagian belakang sebelah kanan backhoe yang dipandu oleh H perayu. Peraturan 22 Highway Code, memperuntukkan bahawa pihak yang melanggar bahagian belakang kenderaan yang berada di hadapannya adalah didapati cuai sepenuhnya. Tetapi oleh kerana kemalangan yang berlaku adalah disebabkan bahagian belakang backhoe perayu tidak mempunyai lampu maka perayu sendiri turut menyumbang kepada kemalangan tersebut. Fakta bahawa lampu belakang backhoe perayu tidak menyala adalah merupakan dapatan I atau 'finding' yang telah dibuat oleh Puan hakim mahkamah sesyen berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan (lihat perenggan 17).

(2) Keterangan adalah jelas bahawa semasa kemalangan, motosikal yang ditunggang responden telah melanggar bahagian belakang sebelah kanan backhoe yang dipandu oleh perayu. Mahkamah Tinggi mendapati bahawa

keputusan dari segi liability yang telah diputuskan oleh Puan hakim mahkamah sesyen bahawa perayu adalah 90% bertanggungan manakala responden pula adalah 10% bertanggungan adalah tidak tepat dari segi keterangan dan fakta yang menunjukkan bahawa dia telah menunggang motosikalnya dengan terlalu laju dalam keadaan cuaca yang gelap dan hujan renyai-renyai. Oleh itu Mahkamah Tinggi mengenepikan liabiliti yang telah diputuskan. Berdasarkan keterangan tentang bagaimana kemalangan berlaku, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa responden adalah 50% bertanggungan (lihat perenggan 19).

[English summary

On 15 February 1996 at 9pm, the respondent was riding his motorcycle from Bukit Kayu Hitam to Alor Star. When he reached KM 15.3 he was involved in a road accident with a backhoe which was driven by the appellant. At the time of the accident, the rain was drizzling. The area was dark. Before the accident, the respondent was riding his motorcycle at the speed of 75 km/ph. At a distance of 10 feet, he suddenly saw a backhoe moving in the left lane without its lights on. The respondent braked his motorcycle and tried to avoid by going to the left but he collided with the backhoe's rear tyre. Both parties agreed that the only issue to be decided in this appeal was the issue of liability. The learned session court judge held that the appellant was 90% liable in this collision.

Held:

(1) The High Court concurred with the learned session court judge that there was negligence on the part of the respondent that contributed to this collision. However, the High Court disagreed with the 10% contributory negligence as decided by the learned session court judge. In this collision, the respondent's motorcycle hit the right rear of the backhoe driven by the appellant. Regulation 22 Highway Code provides that those who hit the rear of another vehicle in its front is fully negligent. However, as at the time when the accident occurred the backhoe was without its rear light, the appellant himself contributed to the accident. The fact that the rear light of the appellant's backhoe was not lit is a finding made by the learned session court judge based on the evidence adduced before the court (see para 17).

(2) The evidence was clear that at the time of the accident, the respondent's motorcycle hit the right rear of the appellant's backhoe. The High Court found that the decision on liability as decided by learned session court judge that the appellant was 90% liable while the respondent was 10% liable was incorrect based on evidence and facts as it was shown that he was riding his motorcycle too fast in the drizzling rain and in the dark. Therefore the High Court set aside the decision on liability. Based on the evidence on how the accident occurred, the High Court held that the respondent was 50% liable (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes bagi kemalangan jalan raya, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 1056–1288.

Kes-kes yang dirujuk

Goh Pit Leng v Singapore Pools (Private Ltd & Ors) [1973] 1 MLJ 14 (dirujuk)
Johari bin Khalid & Anor v Mohamed Zamri bin Khalid [1985] 1 MLJ 142 (dirujuk)
Yoong Leok Kee Corporation v Chin Thong Thai [1998] 2 MLJ 21 (dirujuk)

Sharmila (Dass, Jainab & Associates) bagi pihak defendan.
Krishnandan (Brijnandan Singh Bhar & Co) bagi pihak plaintif..

Zainal Adzam H:

[1] Perbicaraan rayuan ini telah didengar pada 26 Mei 2003. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa hanya isu liability sahaja yang perlu diputuskan di dalam rayuan ini. Pada 19 Februari 2002, Puan hakim mahkamah sesyen Alor Star telah memutuskan bahawa defendan adalah 90% bertanggungan (liable) ke atas kemalangan jalanraya yang berlaku di KM 15.3 lebuhraya Bukit Kayu Hitam Alor Star pada 15 Februari 1996 jam 9.00 malam.

[2] Fakta kes berdasarkan keterangan saksi-saksi adalah seperti berikut:

[3] Pada 15 Februari 1996 jam 9.00 malam, plaintif menunggang motosikalnya seorang diri dari Bukit Kayu Hitam untuk pulang ke Alor Setar. Apabila sampai di KM 15.3 beliau telah terlibat di dalam kemalangan jalan raya dengan sebuah jentera pengorek (backhoe) yang dipandu oleh defendan. Cuaca semasa kemalangan adalah hujan renyai-renyai dan kawasan kemalangan adalah gelap.

[4] Sebelum kemalangan, responden menunggang motosikal beliau dengan kelajuan 75 ksj. Dalam jarak 10 kaki, beliau tiba-tiba nampak sebuah backhoe sedang bergerak di lorong sebelah kiri tanpa lampu. Responden kemudian membrek motosikalnya dan cuba mengelak ke bahagian kanan tetapi terlanggar tayar belakang backhoe tersebut.

[5] Manakala versi plaintif pula adalah seperti berikut:

[6] Semasa kemalangan perayu sedang memandu sebuah backhoe di lebuhraya Bukit Kayu Hitam-Alor Star. Pada masa itu, beliau di dalam perjalanan dari Bukit Kayu Hitam menghala ke Alor Star. Perayu mengakui bahawa itulah kali pertama beliau memandu backhoe di lebuhraya. Tempat kemalangan adalah gelap dan cuaca pada waktu itu pula adalah hujan renyai-renyai. Beliau memandu backhoenya di sebelah kiri jalan dalam jarak dua kaki daripada gigi jalan. Kelajuannya pada waktu itu ialah 18 ksj. Beliau hanya menyedari kemalangan berlaku apabila terdengar bunyi bahagian belakang kanan backhoenya dilanggar. Menurut perayu lampu belakang backhoenya yang terletak di bahagian atas kiri dan kanan mungkin tidak menyala semasa kemalangan.

[7] Berdasarkan fakta kes di atas, Puan hakim mahkamah sesyen telah membuat findingnya seperti berikut: A

[8] Kedua-dua kenderaan yang terlibat adalah di dalam arah perjalanan yang sama dan berada di lorong yang sama di bahagian kiri jalan dari Bukit Kayu Hitam menghala ke Alor Setar seperti yang ditunjukan dalam rajah kasar. Semasa kemalangan, hujan renyai-renyai dan keadaan cuaca adalah gelap (malam). Responden dan juga perayu telah memberi keterangan yang sama iaitu motosikal plaintif telah melanggar bahagian tayar belakang backhoe defendan. B

[9] Berdasarkan fakta kes tersebut, Puan hakim telah memutuskan bahawa defendan bertanggungan atas kadar 90% ke atas kemalangan yang berlaku. Beliau memberikan alasan-alasan berikut di dalam membuat keputusan tersebut: C

[10] Defendan telah memandu backhoenya dengan laju iaitu 18 ksj jika dibandingkan dengan had laju maksima yang dibenarkan. Perayu juga gagal memberi perhatian kepada pengguna jalan raya yang lain kerana memandu laju pada waktu malam lebih-lebih lagi di dalam keadaan cuaca yang gelap dan hujan renyai-renyai. Beliau juga telah gagal mengambil langkah berhati-hati untuk mengelak kemalangan berlaku walaupun beliau mengetahui lampu belakang backhoenya di bahagian atas kiri dan kanan serta lampunya tidak jelas semasa hujan. D E

[11] Terdapat banyak kenderaan di tempat kemalangan berdasarkan banyaknya kenderaan yang memotong backhoe yang dipandu oleh perayu di kawasan kemalangan. Puan hakim juga telah memutuskan bahawa lampu belakang backhoe perayu tidak menyala. la adalah berdasarkan kepada keterangan perayu semasa disoal semula yang menyatakan bahawa semasa kemalangan beliau tidak nampak lampu belakang (backhoenya). Keterangan perayu ini menyokong keterangan responden di mahkamah dan di dalam laporan polis responden yang mengatakan bahawa backhoe tersebut tiada lampu. F G

[12] Mengulas mengenai hujah peguam perayu berkenaan keterangan perayu yang menyatakan bahawa perayu mendapati lampu belakang backhoenya berfungsi sebelum kemalangan dan juga semasa diperiksa oleh polis selepas kemalangan, Puan hakim menegaskan bahawa pihak polis tidak dipanggil untuk mengesahkan perkara tersebut. Sebaliknya beliau (Puan hakim) mendapati keterangan perayu sendiri (semasa soal balas dan disoal semula) menyatakan bahawa boleh jadi lampu belakang backhoenya tidak menyala dan beliau tidak nampak lampu belakang semasa kemalangan. H

[13] Peguam perayu menghujahkan bahawa fakta mengenai lampu belakang backhoe perayu tidak menyala tidak diplidkan oleh responden di dalam pernyata tuntutannya, iaitu ia tidak dimasukkan sebagai butir-butir kecuaian. Oleh kerana pihak-pihak adalah terikat dengan plidingnya, maka responden adalah tidak dibenarkan untuk membangkitkan isu mengenai lampu belakang backhoe perayu yang tidak menyala. I

[14] Berdasarkan nota keterangan yang terdapat di dalam rekod rayuan, saya mendapati bahawa pada 19 Februari 2002, Puan hakim telah membenarkan pihak responden untuk meminda pernyata tuntutannya. Oleh itu, isu tersebut dianggap sebagai tidak relevan lagi di dalam rayuan ini. Lebih-lebih lagi kebenaran untuk pihak-pihak membuat pindaan adalah merupakan budi bicara mahkamah. Berdasarkan keterangan seperti yang telah dikemukakan, mahkamah ini berpendapat bahawa Puan hakim telah melaksanakan budi bicaranya dengan betul di dalam membenarkan pindaan tersebut dibuat.

[15] Di dalam kes *Yoong Leok Kee Corporation v Chin Thong Thai* [1998] 2 MLJ 21, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa YA Hakim perbicaraan telah melaksanakan budi bicaranya dengan betul apabila beliau telah membenarkan plaintif membuat pindaan walaupun selepas responden dan perayu menutup kes mereka dan selepas kedua-duanya membuat hujahan, (the learned judge had properly exercised his discretion in allowing an amendment to be made to the statement of claim after the respondent had closed his case and the appellant had closed his case and made the submission).

[16] Puan hakim telah memutuskan bahawa kecuaian sumbangan responden di dalam kemalangan yang berlaku adalah atas kadar 10%. Kecuaian responden tersebut ialah kerana beliau menunggang motosikalnya dengan laju (75 ksj) di dalam keadaan cuaca yang gelap dan hujan renyai-renyai. Di samping itu beliau juga menunggang motosikalnya di dalam jarak yang dekat dengan kenderaan di hadapannya. Ini adalah jelas dengan pengakuan responden sendiri yang mengatakan bahawa beliau hanya nampak backhoe yang dipandu oleh perayu dengan tiba-tiba dan apabila berada di dalam jarak 10 kaki. Di dalam memutuskan bahawa responden adalah 10% bertanggungan Puan hakim telah merujuk kepada peraturan (rule) 22 Highway Code. Peraturan 22 yang menyatakan bahawa:

> If you collide with the rear of a vehicle in front of you it is your own fault and means that you have followed too closely. You should allow at least one car's length between your car in front for every ten miles an hour of your speed. Thus at 30 mph there should be at least three cars' length between your car and the in front.

[17] Saya bersetuju dengan Puan hakim bahawa terdapat kecuaian sumbangan di pihak responden ke atas kemalangan yang berlaku. Walau bagaimanapun saya tidak bersetuju dengan kadar 10% kecuaian sumbangan yang diputuskan oleh Puan hakim. Di dalam kemalangan ini, motosikal yang ditunggang oleh responden telah melanggar bahagian belakang sebelah kanan backhoe yang dipandu oleh perayu. Peraturan 22 Highway Code memperuntukkan bahawa pihak yang melanggar bahagian belakang kenderaan yang berada di hadapannya adalah didapati cuai sepenuhnya. Tetapi oleh kerana kemalangan yang berlaku adalah disebabkan bahagian belakang backhoe perayu tidak mempunyai lampu maka perayu sendiri turut menyumbang kepada kemalangan tersebut fakta bahawa lampu belakang backhoe perayu tidak menyala adalah merupakan dapatan atau 'finding' yang telah dibuat oleh Puan hakim berdasarkan keterangan yang telah dikemukakan.

Di dalam kes *Goh Pit Leng v Singapore Pools (Private Ltd. & Ors* [1973] 1 MLJ 14, Mahkamah Rayuan Singapura menyatakan bahawa 'It is an accepted principle that in a case

before an appellate court where the issue is a finding of fact by the trial judge an appellate court is always reluctant to interfere with such finding for the simple reason that the trial judge had the advantage of seeing and testing the veracity of the witnesses before him unless of course it can be shown that the judgment was plainly wrong or unsupported by evidence'.

[18] Di dalam kes *Johari bin Khalid & Anor v Mohamed Zamri bin Khalid & Anor* [1985] 1 MLJ 142, Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa:

We appreciate that this appeal is mainly involved with the finding of facts by the court below and as such we should be slow or reluctant to disturb the finding unless it could be shown that the finding could not be sustained having regard to the evidence.

[19] Keterangan adalah jelas bahawa semasa kemalangan, motosikal yang ditunggang responden telah melanggar bahagian belakang sebelah kanan backhoe yang dipandu oleh perayu. Mahkamah ini mendapati bahawa kaputusan dari segi liability yang telah diputuskan oleh Puan hakim mahkamah sesyen bahawa perayu adalah 90% bertanggungan (liable) manakala responden pula adalah 10% bertanggungan adalah tidak tepat dari segi keterangan dan fakta yang menunjukkan bahawa dia telah menunggang motosikalnya dengan terlalu laju (75 ksj) dalam keadaan cuaca yang gelap dan hujan renyai-renyai. Oleh itu, mahkamah ini mengenepikan liability yang telah diputuskan. Berdasarkan keterangan tentang bagaimana kemalangan berlaku, saya memutuskan bahawa respondent adalah 50% bertanggungan.

[20] Oleh kerana tiada pihak yang berjaya sepenuhnya di dalam rayuan ini maka mahkamah memerintahkan supaya kedua-dua pihak, masing-masing menanggung kos mereka di dalam rayuan ini.

Kedua-dua pihak menanggung kos mereka di dalam rayuan ini.

Reported by Peter Ling